

Ruj. Kami : ST (IP/JKKT/PKT)13/25(01)

Tarikh : 9 Disember 2025

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2

62100 Putrajaya, Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



Semua Pengilang dan Pengimport

Semua Pendedar Produk Menggunakan Tenaga

Tuan/Puan,

MAKLUMAN MENGENAI MEKANISME PELAKSANAAN JADUAL PENARAFAN BINTANG YANG BAHARU BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2026 SEHINGGA 31 DISEMBER 2029 BAGI PENDINGIN HAWA

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan *Guideline of Energy-Using Product* yang dikuatkuasa pada 1 Januari 2025 adalah dirujuk.

Sepertimana yang tuan/puan sedia maklum, *Guideline of Energy-Using Product* yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2025 telah menetapkan jadual penarafan bintang baharu produk pendingin hawa bagi tempoh 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2029. Sehubungan dengan itu, berikut adalah penjelasan berkaitan mekanisme pelaksanaan jadual penarafan bintang baharu bagi pendingin hawa.

a) Pendingin hawa yang telah di pasaran sebelum 1 Januari 2026

Tiada sebarang perubahan pada label penarafan kecekapan tenaga dan produk boleh terus dijual di pasaran. Produk tersebut juga boleh terus menggunakan label sedia ada.

b) Pendingin hawa yang akan diimport atau dikilangkan selepas 1 Januari 2026

Sekiranya Perakuan Kecekapan Tenaga bagi produk tersebut masih dalam tempoh sah laku, produk tersebut boleh diimport dan dikilangkan menggunakan Perakuan Kecekapan Tenaga sedia ada sehingga tempoh sah laku tersebut tamat. Produk tersebut juga boleh menggunakan label penarafan kecekapan tenaga sedia ada.

c) Pendingin hawa yang Perakuan Kecekapan Tenaganya tamat tempoh pada atau selepas 1 Januari 2026.


- Jika pemohon membuat permohonan baharu sebelum 1 Januari 2025, pengilang atau pengimport boleh rujuk perkara (b) di atas.

- Namun, jika pengilang atau pengimport mengemukakan permohonan baharu/pembaharuan pada 1 Januari 2016 dan seterusnya, permohonan baharu hendaklah dibuat dengan mengemukakan laporan ujian kecekapan tenaga sedia ada serta surat penilaian (*Assessment Letter*) **baharu** daripada Sirim QAS.
- Bagi label penarafan kecekapan tenaga pula, label perlu dikemaskini mengikut maklumat daripada surat penilaian yang baharu. Bagi tujuan penyeragaman, tahun yang dipaparkan pada label baharu disarankan untuk ditukar kepada 2026 bagi mengelakkan kekeliruan pada pengguna dan memastikan pengguna dapat membezakan dengan label baharu dengan label lama.

Untuk sebarang maklumat lanjut pihak tuan/puan boleh melayari laman sesawang Energy Commission - Microsites - Introduction ataupun boleh hubungi pihak kami melalui emel eup@st.gov.my.

Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.



Ir Ts ZULKIFLEE BIN UMAR

Pengarah

Jabatan Kecekapan dan Konservasi Tenaga

Suruhanjaya Tenaga

NH/UPKT